



## **PERTANDINGAN PENULISAN KERTAS *YOUNG INVENTORS JOURNAL* (YIJ): PELANCARAN RASMI SECARA ONLINE**

### **UNTUK HEBAHAN SEGERA**

PETALING JAYA, MALAYSIA 9 Ogos 2021 - Persatuan Sains, Teknologi dan Inovasi (ASTI) telah melancarkan Pertandingan Penulisan Kertas *Young Inventors Journal* (YIJ), pertandingan ketiga seumpamanya. Rakan kongsi projek ASTI termasuk KLAY EnerSol, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Malaysian Mental Health Association (MMHA) dan Free Malaysia Today (FMT) sebagai rakan media kami.

*Young Inventors Journal* (YIJ) adalah jurnal penyelidikan dalam talian secara percuma yang ditujukan kepada generasi muda untuk meningkatkan minat mereka dan terlibat dalam pembelajaran dengan menulis kertas yang dikaji dengan terperinci. Kami juga berharap agar jurnal ini dapat mendedahkan kepada masyarakat umum tentang idea dan penemuan baru dalam bidang dikaji.

Tajuk pertandingan tahun ini adalah "Bagaimana Membina Semula Dunia Yang Lebih Baik Pasca Covid-19: Kesejahteraan Sosial dan Kesihatan Mental (How To Rebuild A Better World Post Covid-19: Social Wellbeing & Mental Health)". Peserta diminta untuk melihat masalah khusus yang berkaitan dengan kesejahteraan sosial dan kesihatan mental yang mereka rasa perlu ditangani segera; dan mencadangkan apa yang mereka fikir akan menjadi penyelesaian yang tepat untuk menyelesaikan masalah-masalah ini secara adil dan saksama. Ia adalah pertandingan menulis berpasukan atau individu. Maka ia boleh ditulis oleh pasukan yang tidak melebihi 5 orang, atau oleh seorang individu sahaja. Pertandingan ini dibuka kepada peserta yang berumur 18 hingga 40 tahun dan kertas hendaklah dalam Bahasa Inggeris. Semua kertas yang memenuhi standard yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan *Young Inventors Journal* (YIJ) akan menerima sijil penyertaan dalam talian yang akan dihantar melalui e-mel kepada pengarang. Kertas pemenang juga mungkin diterbitkan dalam jurnal dalam talian kami yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Pertandingan ini juga mempunyai Kategori Video Khas khususnya untuk peserta remaja berumur 17 tahun ke bawah. Kelayakan untuk kategori ini berdasarkan individu paling tua yang muncul dalam video. Sama ada individu atau pasukan yang tidak melebihi 5 orang layak untuk mengambil bahagian dalam kategori ini.

Peserta yang berminat boleh mendaftar sebelum 10 Oktober 2021 dengan kertas cadangan (Paper/Video Proposal). Muat turun terma & syarat, bahan dan modul di sini:

[https://www.asti.org.my/postcovid\\_social/](https://www.asti.org.my/postcovid_social/)

Peserta berpeluang memenangi hadiah berikut:

Kategori Penulisan Kertas:

1 Pemenang Platinum: RM 1,500

1 Pemenang Emas: RM 1000 untuk setiap Kumpulan / Individu

2 Pemenang Perak: RM 700 untuk setiap Kumpulan / Individu

2 Pemenang Gangsa: RM 500 untuk setiap Kumpulan / Individu

Hadiah untuk Kategori Jurnal Video:

Pertama - Pemenang Emas: RM 700

Kedua – Pemenang Perak: RM 500 untuk setiap Kumpulan / Individu

Ketiga – Pemenang Gangsa: RM 300 untuk setiap Kumpulan / Individu

Kami berharap agar anak-anak muda dan pemimpin masa depan akan mengambil kesempatan ini dan berkongsi pendapat mereka tentang membina semula dunia yang lebih baik dengan aplikasi yang baik untuk kesejahteraan sosial dan kesihatan mental, pasca Covid-19.

### **TENTANG ASTI:**

ASTI adalah sebuah organisasi bukan kerajaan yang telah ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2012, dan telah dengan aktifnya merancang dan menganjurkan program-program inovatif bagi mempromosi pendidikan dan pemahaman pengetahuan saintifik untuk pelajar-pelajar sekolah. Pada masa pandemik ini, ASTI telah pun mengembangkan program-programnya yang merangkumi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah melalui pelbagai usaha secara online. Semenjak daripada awal penubuhan ASTI, lebih daripada 650,000 peserta dari seluruh Asia Tenggara dan UK telah mengambil bahagian di dalam program-program inovatif ASTI.

- Tamat -

### **HUBUNGI ASTI DI:**

Tel: 014-7124217 (kami boleh dihubungi atau WhatsApp kami melalui nombor ini)

Email: [yijasti@gmail.com](mailto:yijasti@gmail.com)